

ورتا فنرشن

Warta Penerangan



JANUARI 2018





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Sekapur Sirih dari Pemangku Pengarah Penerangan	5
Kalendar terbitan Jabatan Penerangan	6
Lindungi integriti bendera negara	7 - 8
PMB landasan menyampaikan maklumat rasmi	8 - 9
Peserta PMB kongsi berbagai maklumat	10
Ternakan ayam pedaging tarik perhatian peserta PMB	11
PMB landasan menyampaikan maklumat rasmi	12 - 13
Sekitar pengagihan kalender 2018 terbitan Jabatan Penerangan	13
Perkembangan serta usaha kerajaan diberiagakan	14
Semai semangat patriotik dalam kalangan pelajar	15
Jabatan Penerangan semai semangat patriotism pelajar	16
Semai semangat patriotism pelajar	17
Suntik semangat patriotik generasi muda	18
Martabatkan Bahasa Melayu melalui kajian karya sastera	19
Program RRP bersama pelajar SMSH	20
Pedoman Peristiwa Jabatan Penerangan Aplikasi Mudah Alih InfoDeptBn	21
Senarai Pegawai dan Kakitangan Berkursus Taklimat/Bengkel Januari 2018	22 - 23
Pegawai dan Kakitangan yang baru berkhidmat dengan Jabatan Penerangan	23
Perpindahan Pegawai dan Kakitangan ke Bahagian/ Unit dalam Jabatan Penerangan	
Kakitangan Jabatan Penerangan yang berpindah ke jabatan lain	

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Sekapur Sirih

Pemangku Pengarah Penerangan

Sempena tahun baru 2018

Bismillahir Rahmannir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidinaa Muhamadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, Kerabat-Kerabat Baginda, para-para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Warga Jabatan Penerangan yang paramba/saya hormati sekalian.

Alhamdulillah paramba/saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Masehi 2018 kepada semua warga Jabatan Penerangan di mana jua bertugas. Paramba/saya berharap semoga tahun 2018 ini akan menaikkan lagi nama Jabatan kitani dengan perkembangan dan kejayaan yang lebih ketara. Diharap produktiviti dan perkhidmatan yang diberikan akan dapat memenuhi ekspektasi masyarakat sesuai dengan moto ‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’.

Sepanjang Tahun Masehi 2017, paramba/saya telah menyaksikan pelbagai kejayaan yang dicapai oleh Jabatan Penerangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita dengan jayanya misalnya semasa Sambutan Jubli Emas KDYMM menaiki takhta Ke-50 tahun. Tanpa semangat kerjasama dan tanggungjawab setentunya perkara ini sukar dijayakan tetapi Alhamdulillah kita semua dengan semangat ‘satu keluarga Penerangan’ dapat mengungkayahkan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Pujian harus diberikan kepada semua warga Penerangan yang telah bertugas tanpa mengira waktu.

Pada tahun ini, paramba/saya amat berharap agar semua warga Penerangan dapat berusaha untuk memberikan pelbagai bentuk sokongan dan penglibatan supaya terus cemerlang pada tahap yang lebih baik apatah lagi kitani akan menuju Wawasan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Brunei 2035. Transformasi untuk meningkatkan nilai diri dan akhlak dalam mendepani cabaran akan dapat menjadikan kita pegawai/kakitangan kerajaan yang berkualiti dan inovatif.

Paramba/saya juga berharap agar semua warga Penerangan akan dapat meningkatkan prestasi kerja mengikut KPI masing-masing agar kualiti dan kuantiti kerja berada di tahap yang memuaskan seperti mana yang diinginkan oleh sesebuah organisasi. Kejayaan mencapai target KPI masing-masing merupakan mercu tanda komitmen yang perlu dipertahankan oleh setiap warga jabatan ini.

Akhir kata, paramba/saya ingin mengucapkan selamat bertugas dankekalkan kualiti kerja untuk kecemerlangan imej kita sebagai pegawai/kakitangan Jabatan Penerangan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’

Mawardi bin Haji Mohammad
Pemangku Pengarah
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam.

The image captures a grand public event, the Jubli Emas Menaiki Takhta (Golden Jubilee Coronation), taking place in a large, open-air setting. In the center, a highly ornate golden palanquin is being carried by a group of men in traditional Bruneian uniforms. Seated within the palanquin is the Sultan of Brunei, dressed in a rich gold robe and a matching turban, waving to the crowd. To his right, a woman in a gold dress and a man in a blue robe are also seated. The surrounding area is filled with thousands of spectators, many of whom are taking photographs or videos with their mobile phones. The background features a large, ornate golden tent and several national flags of Brunei.

www.penerangan.gov.bn | www.information.gov.bn | www.pelitabrunoi.gov.bn | www.infofoto.gov.bn

Cuti Akhir

Rebakah Duli Yang
Ibu Al-Mahmum Sultan Haji
Rebakah Da
JU

جوبيلي امس مناعيكي تخت

JUBLI EMAS MENAIKI TAKHTA

		JANUARI Jomadilawal 1439H Khamis 2 Januari 2018		FEBRUARI Jomadilawal 1439H Jumaat 9 Februari 2018		MAC Jomadilidhiyah 1439H Rabu 21 Mac 2018		APRIL Syawal 1439H Sobtu 14 April 2018		MEI Syawal 1439H Jumaat 12 Mei 2018		JUNI Syawal 1439H Khamis 24 Jun 2018	
ISMIN	1	Amul Khatam	14					30	14	1	15		
SELASA	2	15								2	16		
RABU	3	16								3	17		
KHAMIS	4	17	1	15	1	13				4	18	1	
JUMAAAT	5	18	2	16	2	14				5	19		1
SABTU	6	19	3	17	3	15				6	20		
AHAAD	7	20	4	18	4	16	1	14	6	21	4		
ISMIN	8	21	5	19	5	17	2	15	7	22	1		
SELASA	9	22	6	20	6	18	3	16	8	23	5		
RABU	10	23	7	21	7	19	4	17	9	24	3		
KHAMIS	11	24	8	22	8	20	5	18	10	25	7		
JUMAAAT	12	25	9	23	9	21	6	19	11	26	8		
SABTU	13	26	10	24	10	22	7	20	12	27	9		
AHAAD	14	27	11	25	11	23	8	21	13	28	10		
ISMIN	15	28	12	26	12	24	9	22	14	29	11		
SELASA	16	29	13	27	13	25	10	23	15	30	12		
RABU	17	30	14	28	14	26	11	24	16	31	13		
KHAMIS	18	1	15	29	15	27	12	25	17	32	14		
JUMAAAT	19	2	16	30	16	28	13	26	18	33	15		
SABTU	20	3	17	31	17	29	14	27	19	34	16		
AHAAD	21	4	18	2	18	30	15	28	20	35	17		
ISMIN	22	5	19	3	19	1	16	29	21	36	18		
SELASA	23	6	20	4	20	2	17	—	22	37	19		
RABU	24	7	21	5	21	3	18	2	23	2	20		
KHAMIS	25	8	22	6	22	4	19	3	24	3	21		
JUMAAAT	26	9	23	7	23	5	20	4	25	4	22		
SABTU	27	10	24	8	24	6	21	5	26	5	23		
AHAAD	28	11	25	9	25	7	22	6	27	6	24		
ISMIN	29	12	26	10	26	8	23	7	28	7	25		
SELASA	30	13	27	11	27	9	24	8	29	8	26		
RABU	31	14	28	12	28	10	25	9	30	14	27		
KHAMIS													
JUMAAAT													
SABTU													
AHAAD													

JABATAN PENERANGAN
JANJATAN PERKHIDMATAN DAN PELAKUKAN
Membangun Masyarakat BermaKlumat

Jabatan Penerangan

Jabatan Perkhidmatan dan Pelakuan

Jabatan Persekitaran dan Sumber Air

Jabatan Perhubungan dan Komunikasi

JABATAN PENERANGAN

JANJATAN PERKHIDMATAN DAN PELAKUKAN

Membangun Masyarakat BermaKlumat

Jabatan Penerangan

Jabatan Perkhidmatan dan Pelakuan

Jabatan Persekitaran dan Sumber Air

JABATAN PENERANGAN

JANJATAN PERKHIDMATAN DAN PELAKUKAN

Membangun Masyarakat BermaKlumat

HARI-HARI KELEPASAN AWAM

AWAL TAHUN MASIH - Hari Isnin, 14 Rabuksahir 1439H bersamaan 1 Januari 2018M.

TAHUN BAHRU CINA - Hari Sabtu, 1 Jamadilakhir 1439H bersamaan 17 Februari 2018M (sebagai ganti hari Jumat), 30 Jamadilawal 1439H bersamaan 16 Februari 2018M).

ULANG TAHUH HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34 - Hari Sabtu, 8 Jamadilakhir 1439H bersamaan 24 Februari 2018M (sebagai ganti hari Jumat), 1 Jamadilawal 1439H bersamaan 23 Februari 2018M).

ISRAK DAN MIKRAJ - Hari Sabtu, 27 Rejeb 1439H bersamaan 14 April 2018M.

* AWAL RAMADAN - Hari Khamsi, 1 Ramadhan 1439H bersamaan 7 Mei 2018M.

HARI ULANG TAHUH ANGKATAN BERSENJAAT DIRAJA BRUNEI KE-57 - Hari Khamsi, 15 Ramadhan 1439H bersamaan 31 Mei 2018M.

* MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN - Hari Sabtu, 1 Ramadhan 1439H bersamaan 2 Jun 2018M.

* HARI RAYA ADILITIUR - Hari Sabtu, 2 Syawal 1439H bersamaan 1 Jun 2018M.

* Hari Isnin, 4 Syawal 1439H bersamaan 18 Jun 2018M (sebagai ganti hari Jumat), 1 Syawal 1439H bersamaan 15 Jun 2018M).

* Hari Selasa, 5 Syawal 1439H bersamaan 19 Jun 2018M (sebagai ganti hari Ahad), 3 Syawal 1439H bersamaan 17 Jun 2018M).

ULANG TAHUH HARI KEPUTERIAN KEBAGUA DUL YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGDHA SULTAN DAN YANG DI PERTUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-72 - Hari Isnin, 3 Zukkahdah 1439H bersamaan 16 Julai 2018M (sebagai ganti hari Ahad, 2 Zukkahdah 1439H bersamaan 15 Julai 2018M).

* HARI RAYA AIDILADHA - Hari Rabu, 10 Zulhijah 1439H bersamaan 22 Ogos 2018M.

AWAL TAHUH HURAH 1440 - Hari Selasa, 1 Muhamarr 1440H bersamaan 11 September 2018M.

MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIH WASALLAHU - Hari Selasa, 12 Rabuksahir 1440H bersamaan 20 November 2018M.

HARI KRIMAS - Hari Selasa, 17 Rabuksahir 1440H bersamaan 25 Disember 2018M.

▪ Terhad kepada Penduduk

HARI-HARI KELEPASAN AWAM

2018/2019

Indah Hari Jumat, 26 Jamadilawal 1439H hingga hari Khamis, 14 Rejeb 1439H bersamaan 15 Mac 2018Siti Hajaroh / Ahmad Sharif - 17 Feb 2018

Cikgu Nurul Afyiah / Ahmad Zainal Abidin - 10 Mar 2018

Indah Hari Jumat, 23 Puenteek / Mohd Hafizah Hisham / Syazwanul Izzat bersamaan 28 Feb 2018Doktor Hengge, 24 Feb 2018 - 17 Mar 2018

Cikgu Yvonne

Indah Hari Jumat, 26 Zulhijah 1439H hingga hari Khamis, 4 Disember 1440H bersamaan 7 September 2018Doktor Hengge, 24 Feb 2018 - 14 Disember 2018

Cikgu Siti Hajar

Indah Hari Jumat, 26 Zulhijah 1439H hingga hari Khamis, 4 Disember 1440H bersamaan 7 September 2018Doktor Hengge, 24 Feb 2018 - 14 Disember 2018

Cikgu Siti Hajar

Indah Hari Jumat, 26 Zulhijah 1439H hingga hari Khamis, 4 Disember 1440H bersamaan 7 September 2018Doktor Hengge, 24 Feb 2018 - 14 Disember 2018

Cikgu Siti Hajar

Logo

Muat turun

Japanan Perwakilan
Jabatan Perda Menteri
Brunei Darussalam

infodeptm.bn

infodeptm.bn

Layari e-Paper
Deputi Perda

'Membudayaakan Masyarakat Bermaklumat'

WAKTU-WAKTU SEMBAHYANG										
BAGI DAERAH BRUNEI MUARA DAN TEMBURONG										
RABIULAKHIR JAMADILAWAL 1439H										
HARI	MASIH	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Isnin	1	14	4.55	5.05	6.28	6.52	12.25	3.46	6.19	7.34
Selasa	2	15	4.55	5.05	6.29	6.53	12.25	3.47	6.19	7.34
Rabu	3	16	4.56	5.06	6.29	6.53	12.26	3.47	6.20	7.34
Khamis	4	17	4.56	5.06	6.30	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35
Jumaat	5	18	4.57	5.07	6.30	6.54	12.26	3.48	6.21	7.35
Sabtu	6	19	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.49	6.21	7.36
Ahad	7	20	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36
Isnin	8	21	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22	7.37
Selasa	9	22	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37
Rabu	10	23	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.50	6.23	7.37
Khamis	11	24	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38
Jumaat	12	25	5.00	5.10	6.33	6.57	12.29	3.51	6.24	7.38
Sabtu	13	26	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.38
Ahad	14	27	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
Isnin	15	28	5.01	5.11	6.33	6.57	12.31	3.52	6.25	7.39
Selasa	16	29	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
Rabu	17	30	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
Khamis	18	1	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
Jumaat	19	2	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.40
Sabtu	20	3	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41
Ahad	21	4	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
Isnin	22	5	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
Selasa	23	6	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.41
Rabu	24	7	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
Khamis	25	8	5.04	5.14	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
Jumaat	26	9	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
Sabtu	27	10	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
Ahad	28	11	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
Isnin	29	12	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
Selasa	30	13	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
Rabu	31	14	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

This image shows the Kalendar 2018 (Malaysia Calendar 2018) for the year 2018. The calendar includes the following details:

- Top Left:** Peringatan (Announcements) and Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Iutong dilambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit.
- Top Right:** Logo Kalendar 2018.
- Header:** Nama-nama bulan dalam bahasa Inggeris (JULAI, OGOS, SEPTEMBER, OKTOBER, NOVEMBER, DESEMBER).
- Days:** Dua minggu pada setiap bulan.
- Public Holidays:** Tgl. Idul Fitri (1-3 Jun), Hari Sambutan Negara (10 Julai), Hari Raya Haji (12 Ogos), Hari Kebangsaan (31 Ogos), Hari Sambutan Perdana Menteri (10 Sep), Hari Raya Aidilfitri (14 Oktober), Hari Sambutan Perdana Menteri (10 November), dan Hari Raya Haji (12 Disember).
- Islamic Dates:** Zulhijah 1439H / 10 Jun - 13 Julai, Zulhijah 1439H / 25 Julai - 18 Ogos, Zulhijah 1439H / 10 Ogos - 13 Sep, Zulhijah 1439H / 25 Ogos - 18 Disember.
- Other:** Includes a legend for 'Cuti Respon Pengajian' (Study Response Leave) and 'Cuti Respon Penglibat' (Participation Response Leave).

Lindungi integriti bendera negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



HADIR selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengendalikan Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera dan Bahan-Bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional buat yang pertama kalinya tahun 2018 bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Berakas, di sini.

Jerayawara tersebut dihadiri oleh kira-kira 20 peserta yang terdiri daripada pengurus dan penyelia dari syarikat-syarikat percetakan dan syarikat-syarikat pembinaan di Daerah Brunei Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



SESI soal jawab bersama ahli-ahli penal yang diundang pada program tersebut.



ANTARA pengusaha syarikat yang hadir pada Jerayawara berkenaan.



PEGAWAI Penerangan, Awang Musa bin Mohiddin dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai tatacara penggunaan banner, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Pegawai Penerangan, Awang Musa bin Mohiddin dalam taklimatnya pada jerayawara tersebut antara lain menyentuh mengenai tatacara betul dalam penggunaan 'banner', pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Untuk memberikan kefahaman yang lebih lanjut, para peserta dihidangkan dengan tayangan video mengenai Bendera Negara dan Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan banner, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara, menanam tanggungjawab menghormati, melindungi integriti bendera negara serta panji-panji Negara Brunei Darussalam setiap masa, di samping memastikan tidak ada penyalahgunaan banner, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Jerayawara tersebut diadakan adalah untuk

PMB landasan menyampaikan maklumat rasmi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar hadir selaku tetamu kehormat majlis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Januari. – Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) kepada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk dari Kampung Subok dan Kampung Belimbang, Mukim Kota Batu.



Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa bergambar ramai bersama peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi penduduk Kampung Subok dan Kampung Belimbing.

Program yang diadakan pada 18 dan 20 Januari lalu itu melibatkan seramai 25 orang yang dihasratkan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat melalui taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan yang diungkayahkan selain untuk mengukuhkan jati diri serta menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan itu ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Turut hadir Ketua Kampung Subok, Awang Haji Mohd. Jais bin Mohd. Salleh yang juga selaku Pemangku Ketua Kampung Belimbing.



Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir semasa berucap selaku Pengerusi Majlis.

Ketua Unit Hubungan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir dalam ucapannya antara lain menjelaskan, PMB merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Turut menyampaikan taklimat pada program tersebut ialah wakil dari beberapa buah agensi kerajaan.

Selain taklimat para peserta juga akan berpeluang di bawa lawatan ke Perusahaan Riza Fudhlana Farming.



SEBAHAGIAN peserta yang hadir dari Kampung Subok dan Kampung Belimbing.

Peserta PMB kongsi berbagai maklumat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERIBEGAWAN, Khamis, 18 Januari.- Para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk dari Kampung Subok dan Kampung Belimbang, Mukim Kota Batu terus diberikan perkongsian maklumat menerusi perbincangan dan taklimat.

Dalam taklimat yang bertajuk Konsep Makanan Halal dalam Islam yang disampaikan oleh Pegawai Pemeriksa Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Mohd Nazerul Wafiq bin Haji Hussin antara lain mengongsikan mengenai dengan makanan halal. Taklimat diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Katanya, antara natijah memakan yang halal ialah Allah Subhanahu Wata'ala akan menurunkan rahmat-Nya, menambah cahaya pada hati si pemakannya, melembutkan hati dalam beribadah serta mencergaskan seluruh anggota badan untuk taat berbuat ibadah di mana semua perkara ini menyebabkan terkabulnya doa-doa dan diterima amalan soleh.

Manakala jika memakan yang haram pula ialah jauh daripada segala kebajikan, akan mengeras dan menggelapkan hati, mengekang seluruh anggota badannya daripada beribadat dan berbuat taat, menjadikannya sentiasa mencintai dunia dan semua perkara itu menyebabkan tidak terkabulnya doa-doanya dan tidak diterima amalan soleh.



PEGAWAI Pemeriksa Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Mohd Nazerul Wafiq bin Haji Hussin semasa menyampaikan taklimatnya mengenai Konsep Makanan Halal dalam Islam.

Beliau menjelaskan, makanan halal ialah makanan yang dibenarkan untuk orang Islam, bersih dan suci pada pandangan syarak, seperti bebas daripada najis, tidak memudaratkan jasad atau akal, binatang yang dinaskar syarak tentang halalnya, tidak terdiri daripada binatang yang tidak disembelih menurut hukum syarak dan tidak disediakan/diproses di kilang dengan benda najis.

Juga disampaikan pada program tersebut ialah taklimat mengenai Wawasan Negara Brunei 2035 yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd Yusre bin Haji Mabob.

Awang Mohd Yusre bin Haji Mabob berkata Wawasan Brunei 2035 ada 13 strategi di mana setiap strategi tersebut mempunyai penerajunya tersendiri dan peranan peneraju tersebut pula ialah membuat perancangan melalui jawatankuasa, melaksanakan inisiatif dan pelan tindakan serta pemantauan dan perkembangan KPI Kebangsaan.

Satu Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 juga telah dihasilkan bagi mengurus dan memantau agenda pembangunan negara dengan lebih fokus dan holistik.

Katanya wawasan tersebut adalah untuk mempunyai masyarakat yang maju dan berkemahiran dalam pelbagai bidang serta taraf kehidupan masyarakat.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd Yusre bin Haji Mabob semasa menyampaikan taklimat Wawasan Negara Brunei 2035.

Ternakan ayam pedaging tarik perhatian peserta PMB

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi



ROMBONGAN Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Subok dan Kampung Belimbing ketika melawat salah sebuah reban ayam milik Syarikat Riza Farming.

MUKIM SENGKURONG, Sabtu, 20 Januari. - Peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Subok dan Kampung Belimbing anjuran Jabatan Penerangan berkesempatan melawat ke salah sebuah pengusaha tempatan iaitu Riza Farming bagi menyaksikan ternakan ayam pedaging.

Semasa berada di tapak ternakan yang juga merupakan anak Syarikat Riza Group yang terletak di Jalan

Bebatik Kulapis, rombongan seramai 15 orang yang diketuai oleh Ketua Kampung Subok, Awang Haji Mohd. Jais bin Mohd. Salleh yang juga selaku Pemangku Ketua Kampung Belimbing telah dialu-alukan oleh Pengarah Urusan Riza Group, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman.

Di sini, rombongan diberikan penerangan mengenai latar belakang, sejarah, kaedah

teknologi dan operasi ternakan ayam di Riza Farming oleh Pengiran Haji Haris sendiri sebelum dibawa melawat ke sekitar kawasan ternakan.

Ketika meninjau salah sebuah reban ternakan ayam yang berkapasiti 22,400 ekor ayam, para peserta PMB juga berpeluang menyaksikan ayam-ayam ternakan diberikan makan menggunakan kaedah automatik.



SEBAHAGIAN daripada ayam pedaging di Syarikat Riza Farming (kiri) manakala Pengarah Urusan Riza Group, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman semasa menyerahkan cenderahati kepada Ketua Kampung Subok, Awang Haji Mohd. Jais bin Mohd. Salleh (tengah) sementara rombongan PMB menerima penerangan dari Pengarah Urusan Riza Group, Pengiran Haji Haris (kanan),

PMB landasan menyampaikan maklumat rasmi

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Serdang, Kampung Sungai Matan dan Kampung Sungai Bunga sejurus majlis perasmian di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

BERAKAS, Rabu, 24 Januari. - Program Masyarakat Bermaklumat merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua masyarakat memahami, menyokong dan menghayati secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog juga lawatan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir semasa berucap selaku Pengurus Majlis pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Serdang, Kampung Sungai Matan dan Kampung Sungai Bunga yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Berakas, di sini.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat mendaftar sebelum program bermula (kiri) sementara PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut (kanan).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Program dua hari itu dihadiri oleh seramai 18 peserta yang terdiri daripada Ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) serta penduduk kampung.

Juga hadir ialah Ketua-Ketua Kampung di bawah Mukim Kota Batu serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang terlibat dalam mengungkayahkan program tersebut.

Antara tajuk taklimat yang diserapkan pada hari pertama program berkenaan ialah taklimat dari Sekretariat Tetap Wawasan Negara 2035, Jabatan Perdana Menteri; taklimat dari Biro Kawalan

Narkotik mengenai Penyalahgunaan Dadah; taklimat dari Darussalam Enterprise (DARe) mengenai Keusahawanan; taklimat dari Jabatan Perikanan mengenai Perikanan; serta taklimat dari Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan mengenai 'Keselamatan Penggunaan Perahu Tambang'.



PEGAWAI-pegawai dari Darussalam Enterprise semasa menyampaikan taklimat mengenai Keusahawanan

Sekitar pengagihan kalender 2018 terbitan Jabatan Penerangan



Perkembangan serta usaha kerajaan dibarigakan

Oleh : Abu Bakar Haji Abd Rahman
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



ROMBONGAN Program Masyarakat Bermaklumat
Bermaklumat ketika mendengar taklimat daripada salah seorang Pengurus syarikat yang dilawati (kiri) manakala gambar bawah, Pegawai Penerangan, Awang Muhd.Khairulhadi bin Haji Muhd.Muhtaddir menyampaikan cenderahati kepada wakil syarikat berkenaan.

TUTONG, Khamis, 25 Januari. - Para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri dari penduduk Kampung Serdang, Kampung Sungai Matan, Kampung Pudak dan Kampung Sungai Bunga dibawa melawat ke Syarikat Golden Corporation Sendirian Berhad, Daerah Tutong.

Lawatan tersebut merupakan salah satu aturcara dalam memberikan pendedahan dan perkongsian maklumat kepada peserta selain mendengarkan taklimat dari berbagai agensi kerajaan.

Lawatan yang diungkayahkan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan diketuai oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd.Khairulhadi bin Haji Muhd.Muhtaddir.

Semasa lawatan, rombongan turut diberikan taklimat mengenai perkembangan serta aliran perniagaan selain dibawa melawat di sekitar syarikat berkenaan.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat semasa dibawa melawat di syarikat tersebut (kanan atas) manakala gambar (bawah kiri dan kanan) para peserta program menaiki kendaraan bagi memulakan lawatan.

Semai semangat patriotik dalam kalangan pelajar

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

KUALA BELAIT, Sabtu, 20 Januari.-Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait memulakan Sesi Taklimat Kenegaraan sebagai edisi sulungnya tahun ini dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait.

Taklimat yang bertajuk "Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" adalah untuk memastikan para pelajar sentiasa peka serta menghormati lagu kebangsaan dan bendera negara sekali gus menyemai semangat patriotisme disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Awang Mohammad Hisyam dalam taklimatnya turut menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara



PROGRAM dihadiri oleh 80 penuntut Tahun 7, Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait

dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci

Semasa taklimat tersebut para pelajar juga berpeluang menyaksikan klip video "Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara" dan video animasi "Tatacara Mengibarkan Bendera" serta menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan

oleh Jabatan Penerangan. Program berkenaan dihadiri oleh tenaga pengajar Sekolah Menengah Chung Hua dan disertai oleh seramai 80 penuntut Tahun 7 dari sekolah berkenaan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pelajar yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan dan penyampaian cenderamata pada pihak sekolah.

Jabatan Penerangan semai semangat patriotisme pelajar

Berita dan Foto : Noraishah Haji Muhammed



SERAMAI 36 penuntut Tahun 7 Sekolah St. John's ketika menghadiri Taklimat Kenegaraan yang bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

KUALA BELAIT.- Sementara itu, taklimat yang sama juga diteruskan di Sekolah St. John's, Kuala Belait pada Sabtu, 27 Januari.

Taklimat yang bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris,

Turut hadir pada program tersebut ialah Pengetua sekolah, Dr. Teh Keng Watt serta para pengajar Sekolah St. John's termasuk 36 penuntut Tahun 7 dari sekolah berkenaan.

Pada taklimat tersebut para penuntut telah berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan dan seterusnya menerima hadiah setelah berjaya menjawab soalan yang diajukan.



PEGAWAI Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris semasa menyampaikan taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

SEORANG pelajar ketika mengikuti Kuiz Kenegaraan.

Semai semangat patriotisme pelajar

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Seramai 138 penuntut tahun 7 Sekolah Menengah Awang Semaun hari ini berpeluang mendengar taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

Program yang diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Awang Semaun (SMAS) itu dihadiri oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran, SMAS, Awang Haji Mohd. Fadhillah bin Haji Ismail.

Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Jabatan Penerangan selaku pihak penganjur mensasarkan sebanyak 31 buah sekolah bagi sepanjang tahun 2018.

Setentunya usaha Jabatan Penerangan ini adalah bagi menyemai semangat patriotisme para pelajar dalam menyayangi raja kita, di samping menghormati dan menjiwai lagu kebangsaan serta bendera negara yang sama-sama kita cintai ini.



Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan taklimat.



PENUNTUT TAHUN 7 SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN (SMAS) ketika berpeluang mendengar taklimat yang bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di Dewan Serbaguna SMAS.

Suntik semangat patriotik generasi muda

Berita dan Foto: Saerah Haji Abd. Ghani



PARA pelajar semasa mendengarkan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Rimba 1 yang di ampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

BANDAR SERI BEGAWAN.- Penghayatan dan pemahaman dalam kalangan generasi muda terhadap pemimpin negara dan lagu kebangsaan serta Bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri mereka agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur sedari awal.

Sehubungan itu, Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam diteruskan lagi di Sekolah Menengah Rimba 1 pada hari Selasa 30 Januari.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Dalam taklimat tersebut, Dayang Hajah Hamsah antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Taklimat melibatkan seramai 125 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan seterusnya diakhiri dengan penyampaian

hadiyah kepada para penuntut yang berjaya menjawab soalan kuiz.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.



SEBAHAGIAN dari penuntut diuji cuba pengetahuan mereka dalam sesi KUIZ Kenegaraan.

Martabatkan Bahasa Melayu melalui kajian karya sastera

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman



DEKAN FASS, Dr. Dayang Hajah Asiyah Az-Zahra binti Haji Ahmad Kumpoh semasa merasmikan simposium tersebut.

TUNGKU, Khamis, 11 Januari. - Seramai enam orang pegawai dari Jabatan Penerangan menghadiri simposium sehari ‘Menghargai Sumbangan Muslim Burmat Dalam Dunia Kreatif’ yang dianjurkan oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS).

Symposium yang diadakan di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD itu dirasmikan oleh Dekan FASS, Dr. Dayang Hajah Asiyah Az-Zahra binti Haji Ahmad Kumpoh.

Pada simposium tersebut sebanyak 11 kertas kerja dibentangkan dengan ahli panel terdiri daripada para ahli akademik dari UBD serta pegawai-pegawai kerajaan antaranya daripada Dewan Bahasa dan Pustaka .

Antara matlamat simposium tersebut ialah untuk membolehkan pelajar menjawai unsur dan nilai murni dari segi kerohanian, kemasyarakatan, kebudayaan, kewarganegaraan serta menanam perasaan cinta akan tanah air, berpaksi falsafah Negara Melayu Islam Beraja dan Wawasan Negara 2035.

Dr. Dayang Hajah Asiyah Az-Zahra berharap, penganjuran simposium seumpama itu adalah sebagai



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menghadiri simposium tersebut.

langkah pertama dan setentunya bukan langkah terakhir, khususnya bagi FASS dan UBD amnya, dalam sama-sama memartabatkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu menerusi kajian karya sastera.

Juga hadir, tokoh, penulis mapan dan penerima 'Southeast Asia Writers Award' yang pertama bagi negara ini, iaitu Dato Paduka Haji Muslim bin Haji Burut, yang terkenal dengan nama pena 'Muslim Burmat' termasuk para tenaga pengajar dan penuntut daripada sekolah-sekolah menengah, Pusat Tingkatan Enam, institusi pendidikan serta dari jabatan-jabatan kerajaan.

Program RRP bersama pelajar SMSH

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



PEGAWAI Luar Penerangan, Ah Chua Bangau ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan kepada penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar.

PEKAN BANGAR, Rabu, 31 Januari. - Seramai 290 penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) terdiri daripada penuntut Tahun 9 dan 10 menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Temburong.

Program Rakan Remaja Penerangan tersebut dihasrat untuk mendekati para pelajar di sekolah-sekolah agar mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dalam kalangan remaja.

Program kendalian Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Temburong itu merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama pelajar-pelajar peringkat menengah dalam menyebarluaskan maklumat semasa.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Pelajaran, Ketua Kokurikulum Daerah Temburong, Dayang M. Zaimah binti Mohd. Said. Turut hadir ialah Pemangku Pengetua SMSH, Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara', bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat daripada penuntut Tahun 10 SMSH, Awang Abdul Mursyid Al-Murtadha bin Haji Abdul Hadi.



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Pelajaran, Ketua Kokurikulum Daerah Temburong, Dayang M. Zaimah binti Mohd. Said.

Pada program tersebut para penuntut juga ditayangkan klip-klip video 'Kibarkanlah Bendera Negara Dengan Megah' dan 'Semarak Pengibaran Negara' serta video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' dan aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan.

Ini disusuli dengan Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Ah Chua Bangau. Program turut diserikan dengan persembahan drama, pidato, tarian dan nasyid serta persembahan nyanyian dan lawak jenaka selain Kuiz Kenegaraan.

Pedoman:

Solat Lima Waktu Kewajipan Setiap Umat Islam

Kewajiban utama seorang muslim adalah mendirikan sholat. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan hamba-hamba-Nya yang mukallaf untuk mengerjakan sholat wajib sebanyak 5 kali sehari semalam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Thaha ayat 14, tafsirnya : ‘Sesungguhnya Akulah Allah tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah sembahyang untuk mengingatiKu.’

Peristiwa Jabatan Penerangan

1 Januari 1961 - Perkhidmatan Penerangan Brunei dan Perkhidmatan Radio Brunei digabungkan dan dikenali sebagai Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

1 Januari 1984 - Jabatan Penerangan diletakkan dibawah bidang kuasa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

مقرنلکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦراغن

Memperkenalkan
Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’

Senarai Pegawai dan Kakitangan Berkursus/Taklimat/Bengkel Januari 2018

Nama	Jawatan	Kursus/Taklimat/ Bengkel	Tarikh	Tempat
Hajah Rabi'atul Adawiyah Haji A.Ahmad	Pegawai Pentadbir Tkt.1	Kursus MS1102 Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam	30-31/ 1/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Musa bin Mohiddin	Pegawai Penerangan	Simposium: Menghayati sumbangan Muslim Burmat	11/ 1/ 2018	Dewan Teater ILIA, UBD
Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir	Pegawai Penerangan	OD 3204- Kumpulan Kerja Cemerlang “Team based”	29/1/ -1/2 / 2018	Bilik Kuliah, IPA
Noriah binti Haji Abdul Hamid	Pegawai Penerangan	Simposium: Menghayati sumbangan Muslim Burmat	11/ 1/ 2018	Dewan Teater ILIA, UBD
Ali Termizzi bin Haji Ramlli/ Haji Ramli	Pegawai Penerangan	Sesi Pertama: Tactics, Techniques and Prosedure Development Brunei Public Safety. Health and Security Training Service CAE Brunei	22-25 & 27/1/ 2018	CAE Brunei MPTC
Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dk Nasibah Hanim binti Gg. Haji Bakar	Pegawai Penerangan	Simposium: Menghayati sumbangan Muslim Burmat	11/ 1/ 2018	Dewan Teater ILIA, UBD
Hajah Zabaidah binti Haji Salat	Pegawai Penerangan	Simposium: Menghayati sumbangan Muslim Burmat	11/ 1/ 2018	Dewan Teater ILIA, UBD
Mohamad Azmi bin Awang Damit	Pegawai Foto	OD 3204- Kumpulan Kerja Cemerlang “Team based”	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Hajah Noorhijrah binti Haji Idris	Penolong Pegawai Penerangan	LD-3415 Menjana Kepimpinan Diri	15-18/1/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Ak Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pg. Haji Sellahuddin	Penolong Pegawai Penerangan	Sesi Pertama: Tactics, Techniques and Prosedure Development Brunei Public Safety. Health and Security Training Service CAE Brunei	22-25 & 27/1/ 2018	CAE Brunei MPTC
Haji Ariffin bin Mohd. Noor	Penolong Pegawai Foto Tkt.1	OD 3204- Kumpulan Kerja Cemerlang “Team based”	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Nurzahirah binti Haji Osman	Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tkt.1	OD 3204- Kumpulan Kerja Cemerlang “Team based”	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Nor Hanizah binti Haji Abd Halim	Penolong Penyunting Tkt.1	LD-3415 Menjana Kepimpinan Diri Simposium: Menghayati sumbangan Muslim Burmat	15-18/1/ 2018 11/ 1/ 2018	Bilik Kuliah, IPA Dewan Teater ILIA, UBD
Abdul Hadi bin Haji Suhaili	Penolong Pegawai Penyemak Tkt.1	LD-3415 Menjana Kepimpinan Diri	15-18/1/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir	Penolong Penyunting Tkt.2	Simposium: Menghayati sumbangan Muslim Burmat	11/ 1/ 2018	Dewan Teater ILIA, UBD
Masri bin Osman	Penolong Pegawai Foto Tkt.2	OD 3204- Kumpulan Kerja Cemerlang “Team based”	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Aliahmad bin Achee	Penyelia Pejabat	MS 1323 -Kursus Persediaan Persaraan	15-24/ 2018	Dewan Penghayatan IPA
Ah Chua bin Bangau	Pegawai Luar Penerangan	National Standard Operation Prosedure	10/1/2018	CAE Brunei MPTC
Mohd Khaddir Shah bin Haji Abdul Halim	Pegawai Luar Penerangan	OD 3204- Kumpulan Kerja Cemerlang “Team based”	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Mohammad Hatral Hazmi Bin Awang Abdul Hamid	Juruteknik Foto Tkt. 1	OD 3204 - Kumpulan Kerja Cemerlang “Team Based”	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Ak Amirul Nizam Bin Pg. Hj Mohd Ali	Jurugambar Tkt. 1	OD 3204 - Kumpulan Kerja Cemerlang “Team Based”	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Nor Ajijah Binti Haji Mohammad	Kerani	MS 3511S Kursus Perkeranian	22-27/1/ 2018	Bilik Kuliah, IPA

Aliasan Bin Haji Kalong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	OD 3204 - Kumpulan Kerja Cemerlang "Team Based"	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Haji Mahmud Hafidzie Bin Haji Awang Ali Mashod	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	OD 3204 - Kumpulan Kerja Cemerlang "Team Based"	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Ampuan Roza Amalyati Binti Ampuan Hussain	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Kursus Incident Command System 100 (ICS 100)	15-16/1/ 2018	Pusat Latihan (CAE Brunei MPTC)
Siti Norasilah @ Anisah Binti Awang Asli	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	OD 3204 - Kumpulan Kerja Cemerlang "Team Based"	29/2- 1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA
Norsiah Binti Haji Umar	Pembantu Perpustakaan Tingkat 2	MS 1323 -Kursus Persediaan Persaraan	15-24/ 2018	Dewan Penghayatan IPA
Jurainah Binti Haji Jahit/Jait	Juruteknik Foto Tingkat 2	OD 3204 - Kumpulan Kerja Cemerlang "Team Based"	29/1-1/2/ 2018	Bilik Kuliah, IPA

Pegawai dan Kakitangan yang baru melapor ke Jabatan Penerangan

Nama	Jawatan	Tarikh Melapor	Penempatan	Kod
Dayang Azimatul binti Siti Rahmat	Penyemak	8.1.2018	Unit Penerbitan Inggeris	PSG (Asr)
Dayang Assanieza binti Haji Hashim	Kerani	11.1.2018	Unit Penyelidikan dan Perkembangan	RD (Ahh)
Dayang Sitifah binti Suhaili	Kerani	11.1.2018	Bahagian Pengurusan	KP (Dss)
Dayang Siti Munirah Aqilah binti Awang Nawawi	Kerani	11.1.2018	Bahagian Pengurusan	KP (Man)

Perpindahan Pegawai/Kakitangan ke Bahagian/ Unit dalam jabatan

Nama	Tarikh	Penempatan	Kod
Dayang Hajah Nuramanina binti Haji Hassan	15.1.2018	Unit Kewangan,Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	PK (Hnh)
Awang Mohd Nurakram bin Noraini @ Bahrin	16.1.2018	Unit Kenagarian, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan	KK (Nb)
Awang Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail	16.1.2018	Unit Penyelidikan dan Perkembangan	RD (Ai)
Awangku Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sallehuddin	16.1.2018	Cawangan Daerah Belait dan mengetuai unit berkenaan pada 7.2.2018	KB (Fs)
Awang Abdul Karim bin Hamdan	22.1.2108	Unit Penyelidikan dan Perkembangan dan mengetuai unit berkenaan	RD (Kh)
Dayang Mufidah binti Haji Abdul Hakim	22.1.2108	Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan mengetuai unit berkenaan	HEA (Mh)

Kakitangan Jabatan Penerangan yang berpindah ke jabatan lain

Nama	Tarikh pindah	Penempatan
Awang Haji Mohammad Sahrin bin Haji Dosaman	15.1.2018	Jabatan Radio Televisyen Brunei
Dayang Ruziah binti Haji Zakeria	22.1.2018	Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan
Dayang Sylvina Hon Zae Leena	22.1.2018	Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan Kementerian Pendidikanx

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn

infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**